



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING BENDAHARI

Bilangan 04 Tahun 2026

**PELAKSANAAN SUMBANGAN BALIK BAYARAN HONORARIUM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

TUJUAN

1. Pekeliling Bendahari ini dikeluarkan bagi memaklumkan pelaksanaan sumbangan balik bayaran honorarium di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

LATAR BELAKANG

2. Bayaran honorarium merujuk kepada bayaran saguhati kepada pegawai kerajaan atau individu yang menjadi pensyarah, penceramah atau fasilitator jemputan dalam kursus, bengkel atau majlis rasmi yang dianjurkan oleh universiti, berdasarkan kadar dan syarat yang ditetapkan dalam pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.

3. Bagi menambah baik pengurusan honorarium yang tidak dituntut atau ditolak secara sukarela oleh penceramah jemputan, terdapat keperluan untuk menyeragamkan amalan bagi memastikan pematuhan tadbir urus kewangan yang lebih jelas.

4. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti pada 14 Januari 2026 telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan sumbangan balik bayaran honorarium ke Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI) atau Tabung Endowmen UiTM.

PELAKSANAAN

5. Pelaksanaan untuk membuat sumbangan balik bayaran honorarium secara sukarela ke Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI) atau Tabung Endowmen UiTM adalah melalui kaedah berikut:

- i. Penerima honorarium memberikan persetujuan dengan mengisi borang permohonan tuntutan bayaran honorarium (rujuk contoh Borang Honorarium di **Lampiran 1**);
- ii. Penerima honorarium boleh memilih sama ada untuk memberikan sumbangan penuh, sebahagian atau tidak memberikan sumbangan daripada jumlah honorarium yang layak diterima; dan
- iii. Penerima honorarium boleh memilih sama ada untuk memberi sumbangan kepada Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI) atau Tabung Endowmen UiTM Shah Alam berdasarkan pertimbangan seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1: Ciri-ciri Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI) atau Tabung Endowmen UiTM

Butiran	Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI)	Tabung Endowmen UiTM
Tujuan Penggunaan Tabung	Membiayai aktiviti / program Pusat Islam / Masjid Kampus Shah Alam dan Kampus Cawangan serta pembangunan infastruktur, infostruktur dan penyelenggaraan premis Masjid Kampus Shah Alam dan Kampus Cawangan.	Bantuan biasiswa, pembiayaan penambahbaikan fasiliti, sokongan kajian & inovasi, program kursi dan am serta dana khas warga UiTM.
Pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(11D), Akta Cukai Pendapatan 1967	Tidak layak	Layak

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Bendahari ini hendaklah diguna pakai berkuat kuasa mulai **01 Februari 2026**.

اوسها، تقوى، موليا

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(JUNITA BINTI JAMALUDIN C.A. (M), ACMA, CGMA)

Bendahari

Universiti Teknologi MARA

Dikelilingkan kepada:

Majlis Eksekutif Universiti

Semua Rektor / Penolong Rektor UiTM Cawangan

Semua Penolong Naib Canselor

Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut

Semua Pengarah Pusat

Semua Ketua Jabatan / Pejabat / Bahagian / Pusat / Unit

Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon / Jabatan Bendahari UiTM Shah Alam dan UiTM Cawangan

Bil. Fail : UiTM.100-1/3/8

No. Siri : UiTM-JB(BPDK04/2026)



**UNIT KEWANGAN ZON / BAHAGIAN KEWANGAN.....
JABATAN BENDAHARI**

BORANG HONORARIUM

Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pegawai yang menjalankan tugas seperti di surat lantikan. Bagi tuntutan kali pertama, sila kemukakan borang ini bersama dokumen yang diperlukan.

- a. Salinan muka depan penyata akaun bank yang menunjukkan maklumat akaun penerima bayaran.
b. Salinan muka depan pasport dan maklumat bank bagi pegawai bukan warganegara.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PEMOHON/ PENERIMA HONORARIUM

Nama : _____
 No. Staf / Pelajar (UiTM Sahaja) / : _____
 No. Kad pengenalan : _____
 Jawatan & Gred : _____
 Kelayakan Akademik Tertinggi : _____
 (Bukan Kakitangan Kerajaan) : _____
 Bidang Kepakaran : _____
 Nama & Alamat Majikan : _____
 No Telefon / Alamat E-Mel : _____
 No. Akaun & Nama Bank : _____
 Jenis Lantikan : _____
 : (Contoh: Penceramah, Fasilitator, Panel Penilai, Auditor, Artis)
 Tujuan Lantikan (Tajuk Program, : _____
 Tarikh Dan Masa Bertugas) : _____
 Kadar Bayaran (RM) : _____

BAHAGIAN B: PENGESAHAN MAKLUMAT

Saya mengakui telah melaksanakan tugas bagi tujuan yang dinyatakan di Bahagian A dan maklumat tuntutan di borang ini adalah benar. Saya boleh dikenakan tindakan sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati tidak benar.

- Saya ***telah menerima / memohon bayaran** honorarium berjumlah RM..... bagi tugasan ini.
 Saya bersetuju menyumbang balik kepada UiTM (Tabung Amanah Pusat Islam) berjumlah RM

Saya bersetuju menyumbang balik kepada UiTM (Tabung Endowmen UiTM Shah Alam)** berjumlah RM

*Tanda ✓ di kotak berkenaan. Potong yang tidak berkenaan.

** Layak mendapat pengecualian cukai di bawah Seksyen 44(11D), Akta Cukai Pendapatan 1967

Disediakan oleh:
(Pemohon/ Penerima Honorarium)

Disahkan oleh:
(Ketua PTj / Pegawai yang Diturunkan Kuasa)

 Nama :
 Tarikh :

 Nama :
 Jawatan :
 Tarikh :
 Cap Jawatan :